From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 21 February, 2022 3:31:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR TISSA-UUM TEMPAT KE-6 VIRTUAL TAX-EDU CHALLENGE 2022


UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 FEBRUARY 2022 / 19 REJAB 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Nuradila Mohamad Azhar
Gambar Oleh: Nik Nor Hanan Nik Ramzi

PELAJAR TISSA-UUM TEMPAT KE-6 VIRTUAL TAX-EDU CHALLENGE 2022



UUM ONLINE: Lima pelajar dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) Siti Nuradila Mohamad Azhar, Nik Nor Hanan Nik Ramzi, Nurul Izzati Zakaria, Siti Hajar Azmi dan Yasmin Ilyana Khairul Imran telah diumumkan sebagai pemenang tempat ke enam daripada 75 kumpulan yang menyertai pertandingan Virtual Tax-Edu Challenge 2022 (VTEC 2022) yang dianjurkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada 19 Februari lalu.

Penasihat pasukan, Dr Aryati Juliana Sulaiman yang juga pensyarah percukaian berkata, bukanlah nilai hadiah yang menjadi ukuran tetapi penyertaan mereka bersama 75 pasukan lain dari seluruh universiti di Malaysia menjadi kebanggaan TISSA-UUM.

Katanya mereka memperolehi RM200 berserta sijil dalam pertandingan yang mereka sertai itu.

Sementara itu ketua pasukan, Nik Nor Hanan ketika ditemui berkata, walaupun baru sahaja selesai menduduki peperiksaan akhir semester, namun dengan kesungguhan rakan sepasukan dan bimbingan daripada Dr Aryati Juliana mereka berjaya membuktikan pelajar UUM juga hebat. Beliau dan rakan pasaukan sangat gembira kerana berjaya mengharumkan nama TISSA-UUM.

Pertandingan berkonsepkan ‘Treasure Hunt’ ini diadakan secara maya di aplikasi Zoom sempena Sambutan Hari Hasil ke-26 yang akan disambut pada 1 Mac ini.

Tujuan VTEC 2022 ini diadakan ialah bagi memberi kesedaran kepada orang ramai, khususnya generasi muda mengenai kepentingan cukai.

Pertandingan ini menggabungkan elemen pendidikan cukai dan kemahiran penggunaan teknologi menerusi beberapa aktiviti yang menguji pengetahuan dan kepantasan para peserta yang menyertainya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.